



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM JOM KAMBOH PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**21 OKTEMBER 2017
(SABTU)**

**DEWAN SUARAH
SERI AMAN, SARAWAK**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Keluarga Bahagia.

SALUTASI

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

PENDAHULUAN

1. ALHAMDULILLAH, setinggi- tinggi kesyukuran kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan Suarah Seri Aman pada malam ini bersempena Majlis Perasmian Program Jom Kamboh Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Bahagian Seri Aman.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana telah sudi menjemput saya bagi merasmikan program ini. Penganjuran program seumpama dapat memberi manfaat kepada masyarakat di mana adanya sumbangan semula dari adik-adik pelatih Perintah Khidmat Masyarakat kepada masyarakat dan melaksanakan kerja-kerja komuniti tanpa apa-apa bayaran ke arah pemulihan dan penginsafan yang merupakan antara elemen dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat.

LATARBELAKANG PROGRAM

3. Saya difahamkan bahawa program Jom Kamboh Perintah Khidmat Masyarakat yang bermula hari ini hingga esok memberi peluang kepada pelatih dan bekas pelatih Perintah Khidmat Masyarakat

dalam membantu komuniti setempat melalui aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, saya difahamkan bahawa pesalah muda yang terlibat dalam program ini akan mendapat penolakan tempoh jam agregat dari jumlah yang telah dijatuhkan.

4. Program ini juga dilaksanakan secara NBOS di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama jabatan-jabatan kerajaan di Bahagian Seri Aman dan juga komuniti setempat.
5. Program Jom Kamboh Perintah Khidmat Masyarakat di adakan bagi tujuan bagi mewujudkan masyarakat yang sentiasa peka dan komited terhadap kerja-kerja kebajikan dengan penglibatan dan pengintegrasian pelatih serta bekas pelatih dalam aktiviti bersama.
6. Selain itu, ianya juga mengalakkan kerjasama NBOS di antara agensi kerajaan dan komuniti setempat dalam membantu kumpulan sasaran jabatan. Program ini juga dapat memupuk semangat budaya tolong menolong dan bergotong royong di kalangan masyarakat dalam menangani pelbagai masalah.

Hadirin yang dihormati,

PENGISIAN AKTIVITI JOM KAMBOH PKM

6. Sepanjang tempoh 2 hari Program Jom Kamboh Perintah Khidmat Masyarakat ini, difahamkan terdapat sebanyak 2 aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan iaitu:
 - i. **JomNulong**

Merupakan NBOS antara agensi melalui aktiviti gotong royong dan membaikpulih bahagian dapur rumah kediaman milik klien Skim Bantuan Orang Tua iaitu Encik Morshidi Bin Othman dari Kampung Datuk Hilir, Sri Aman. Program JomNulong ini difahamkan telah dimulakan pada 18hb Oktober 2017.

Alhamdulillah, Program ini di ketuai oleh Batalion 13 Rejimen Askar Melayu DiRaja yang terdiri daripada seorang pegawai dan sembilan anggota telah siap disempurnakan pagi tadi dengan di bantu oleh pelatih Perintah Khidmat Masyarakat, agensi-agensi berkaitan serta komuniti setempat.

ii. **Show Your Talent**

Seramai 10 orang Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat telah mengikuti Kursus Penghasilan Meja dan Kerusi Palette anjuran Kolej Komuniti Mas Gading, Bau, Sarawak yang telah di adakan pada 4 hingga 5 Oktober 2017. Melalui kemahiran yang diperolehi, adik-adik Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat akan memberi sumbangan semula kepada masyarakat melalui perabot yang diperbuat oleh mereka untuk kegunaan warga emas.

Program Show Your Talent ini akan dilaksanakan pada esok pagi di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Lingga melibatkan seramai 20 orang yang terdiri daripada 10 orang Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat dan 10 orang kanak-kanak dari Rumah Kanak-kanak Datuk Ajibah Abol. Program kerjasama

dengan Kolej Komuniti ini akan diteruskan dan akan dijadikan produk PKM Sarawak pada tahun 2018

7. Selain itu juga, bersempena dengan program Kembara Batang Lular KPWKM 2017, 40 warga media yang terdiri daripada media Kuala Lumpur dan Kuching turut akan bertandang dalam program ini esok yang mana mereka akan bersama dengan peserta dalam aktiviti kemasyarakatan. Harapan saya agar aktiviti yang dirancang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa sebarang masalah yang timbul. InsyaALLAH, moga usaha yang kita laksanakan ini mendapat restu dariNya.

Hadirin yang dihormati,

PKM SEBAGAI SATU HUKUMAN ALTERNATIF

8. Secara umumnya, Perintah Khidmat Masyarakat adalah suatu perintah mahkamah biasanya digunakan sebagai satu alternatif kepada hukuman pemenjaraan. Di banyak Negara, Perintah Khidmat Masyarakat boleh dikenakan kepada semua pesalah tanpa mengira umur. Seseorang yang dikenakan Perintah Khidmat Masyarakat dikehendaki melakukan kerja-kerja tanpa dibayar untuk masyarakat selama tempoh beberapa jam yang telah ditetapkan oleh mahkamah.
10. Sebagai contoh pelaksanaan bagi Perintah Khidmat Masyarakat di England, jam bekerja tanpa bayaran adalah sekurang-kurangnya 80 jam dan tidak melebihi 300 jam yang mesti disempurnakan dalam tempoh tidak melebihi dari tarikh perintah. Manakala di Singapura,

jam bekerja adalah tidak kurang daripada 20 jam dan tidak melebihi 240 jam.

11. Di Malaysia pula, ia memberi kuasa kepada mahkamah mengeluarkan perintah yang menghendaki pesalah melakukan Perintah Khidmat Masyarakat tidak melebihi 240 jam agregat pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.

PENAMBAHBAIKAN PELAKSAAN PKM

12. Sejak akhir-akhir ini, kes penderaan, pengabaian dan penganiayaan terhadap kanak-kanak semakin meningkat dan mendapat liputan meluas dari media massa dan Kerajaan memandang serius akan situasi ini.
13. Melalui Akta Kanak-Kanak (Pindaan 2016), Perintah Khidmat Masyarakat telah diperluaskan kepada kanak-kanak dan orang dewasa bagi menangani isu-isu penderaan, pengabaian dan penganiayaan.
14. Berdasarkan statistik suka saya nyatakan di sini, sejak Perintah Khidmat Masyarakat mula diperkenalkan sehingga Julai 2017 sebanyak **17,647** Laporan Sosial Pesalah Muda telah disediakan. Dari jumlah tersebut seramai **4,911** orang pesalah muda telah dijatuhi hukum Perintah Khidmat Masyarakat dan **3,550** orang telah tamat menjalani perintah tersebut.

Hadirin yang dihormati,

PERANCANGAN MASA DEPAN PKM

15. Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak akan menjadikan projek berasaskan kayu Pallet untuk Program Show Your Talent kepada Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat. Saya difahamkan bahawa permintaan untuk perabot berasaskan kayu pallet menjadi satu trend dan mendapat permintaan yang menggalakkan dari pengusaha-pengusaha kedai makan dan juga individu-individu yang berminat.
16. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat terpendam di kalangan pesalah muda. Bagi tujuan ini Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, IM4U dan Jabatan Penerangan. KPI yang ditetapkan ialah sebanyak 20 program akan dilaksanakan bagi tempoh 2017-2020. Jabatan juga akan mengadakan karnival tahunan bagi memberi peluang kepada pelatih dan bekas pelatih Perintah Khidmat Masyarakat untuk menonjolkan bakat yang ada berdasarkan kepada kemahiran yang diperolehi di peringkat negeri masing-masing

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

21. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Angkatan Tentara Malaysia dan agensi

serta komuniti yang telah berjaya menganjurkan Program Jom Kamboh Perintah Khidmat Masyarakat Peringkat Bahagian Seri Aman. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung dan tidak langsung.

22. Akhirnya dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim, Saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Program Jom Kamboh PKM 2017.**

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum W.B.T.